



www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 20 (1) Jun.2016 (001-009)

Kata Panggilan Kekeluargaan oleh Mahasiswa dari Pantai Timur Universiti Kebangsaan Malaysia; Satu Kajian Sociolinguistik

Kalthum Ibrahim & Sabariah Mohd Ghani
kalthum@ukm.edu.my, sabariah_ukm@yahoo.com
Pusat Penyelidikan Kelastarian Sains Bahasa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Sistem panggilan merupakan satu sistem yang digunakan bagi tujuan menunjukkan rujukan ke atas diri seseorang dalam sesuatu hubungan sosial mereka dalam masyarakat. Setiap masyarakat mempunyai nilai dan aturan sosial yang tersendiri dalam bentuk kata panggilan kekeluargaan. Tujuan utama penggunaannya adalah untuk mengekalkan silratulrahim dalam kalangan ahli masyarakat yang terdiri daripada ahli keluarga – ibu bapa, adik beradik dan jiran tetangga. Kajian ini tentang kata panggilan kekeluargaan masyarakat melayu pantai timur – Kelantan, Terengganu dan Pahang. Namun responden yang digunakan bagi kajian ini adalah mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia yang berasal dari negeri-negeri tersebut. Data yang didapati daripada borang soal selidik dianalisis untuk melihat sama ada responden masih menggunakan kata panggilan kekeluargaan atau sebaliknya. Di samping itu juga, data yang didapati digunakan untuk mengklasifikasikan bentuk kata panggilan yang paling banyak digunakan oleh mahasiswa berkenaan mengikut kategori. Dapatan menunjukkan bahawa mahasiswa berkenaan masih lagi mengekalkan penggunaan kata panggilan tradisi.

Kata kunci: Sistem panggilan, kekeluargaan, Pantai Timur, Sociolinguistics

Abstract

Family address form is a system used as a person's reference in their social community relationship. Each society has its unique social values and order in terms of family address forms. The main idea of the use of address form is to maintain close relationship among the society members comprising family members – parents, siblings and neighbours. This research is related to address forms of family relationship of the Malay society in the east coast of Malaysia – Kelantan, Terengganu and Pahang. However, the respondents of the study are students from Universiti Kebangsaan Malaysia from these states. Data collected from questionnaire was analysed to observe if the respondents still use family address forms or otherwise. The data was also used to classify forms of address mostly used by the students according to the identified categories. The finding shows that the student do still use traditional address forms in their family

Keywords: Calling systems, kinship, East Coast, Sociolinguistics

1. Pengenalan

Setiap masyarakat bahasa mempunyai beberapa norma atau aturan sosial supaya aspek kesopanan dan kesusilaan dapat dipelihara dalam proses berinteraksi atau berkomunikasi sesama sendiri. Salah satu cara untuk berkomunikasi dengan sopan adalah dengan mewujudkan bentuk panggilan yang menekankan aspek kesantunan dalam suatu masyarakat. Lantaran itu, akan terbentuklah sistem panggilan dan rujukan tersendiri dalam sesuatu masyarakat (Sa'adiah Maalip, 2000). Sistem panggilan bagi sesuatu masyarakat biasanya ditentukan oleh amalan masyarakat itu sendiri berdasarkan norma dan budaya masyarakat tertentu.

Sistem panggilan dalam sesebuah masyarakat mempunyai pelbagai ragam dan bentuknya. Ia tertakluk kepada nilai-nilai sosial kelompok masyarakat itu sendiri. Dalam setiap perhubungan atau proses komunikasi, panggilan kehormat yang tertentu digunakan bagi menunjukkan rasa hormat kepada individu yang disapa. Bentuk panggilan ini terdiri daripada subbahagiannya seperti kata panggilan, kata panggilan kekeluargaan dan Kata Ganti Nama Diri (KGND). Kata panggilan adalah rujukan yang digunakan ke atas seseorang individu berdasarkan gender ataupun status sosialnya dalam komuniti. Contohnya adalah seperti gelaran "*Encik*" yang ditujukan kepada seseorang lelaki yang tidak mempunyai hubungan persaudaraan. Kata panggilan kekeluargaan merujuk kepada suatu bentuk panggilan yang digunakan untuk menggantikan nama dalam kalangan masyarakat yang mempunyai hubungan kekeluargaan atau pertalian darah. Bagi KGND pula merupakan kata yang digunakan untuk menggantikan nama orang yang dirujuk. Setiap bentuk panggilan ini menekankan aspek kesantunan dan kesopanan sesuatu masyarakat.

Kajian mengenai kata sapaan dan kata panggilan telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Antaranya ialah Maya Khemlani dan Rohani Mohd Yusof (2000), Media Sandra Kasih (2002), Norliza Jamaluddin (2003), dan Nor Hashimah Jalaludin, Harishon Radzi, Maslida Yusof, Raja Massittah Raja Ariffin, & Sa'adiah Ma'alip (2005), dan Marlyna Maros, Aslinda John, Mohd Baharim Mydin (2010).

Maya Khemlani dan Rohani Mohd Yusof (2000) dalam kajiannya telah meneliti tentang bentuk-bentuk sapaan yang wujud di Malaysia dan mereka telah mendapati bahawa kata sapaan *nonverbal* dan kata sapaan tanpa respons serta kata sapaan yang disertakan dengan kata panggilan digunakan dalam kalangan masyarakat Melayu, Cina dan India. Media Sandra Kasih (2002), telah mengkaji berkenaan sistem sapaan kekeluargaan yang wujud dalam masyarakat Minangkabau. Dalam kajian ini, beliau telah menjelaskan tentang masyarakat Minangkabau yang merupakan keturunan yang bernasab ibu mempunyai sistem sapaan yang tersendiri. Bagi kajian Norliza Jamaluddin (2003) pula menjelaskan tentang faktor-faktor sosial yang mempengaruhi cara penggunaan sistem panggilan dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak dan menumpukan kajiannya kepada golongan remaja di Sarawak yang semakin meminggirkan sistem panggilan ini. Di samping itu, kajian yang dijalankan oleh Nor Hashimah Jalaludin et al. (2005) pula dengan mendokumentasikan jenis-jenis panggilan yang wujud dalam sesebuah keluarga dan menjelaskan fungsi bentuk panggilan dan jenisnya serta cara penggunaannya dalam masyarakat. Kajian yang dilakukan tersebut membincangkan kata panggilan dalam kalangan adik beradik dan generasi yang lebih tua dalam keluarga Melayu. Seterusnya bagi kajian yang dijalankan oleh Marlyna Maros, Aslinda John, Mohd Baharim Mydin (2010) yang memfokuskan kawasan kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Hasil dapatan kajian tersebut adalah berdasarkan perbezaan jantina dan menghubungkan faktor jantina ini dengan aspek budaya dan sosiopragmatik.

Pengkaji mendapati bahawa penggunaan kata panggilan kekeluargaan bagi setiap negeri adalah berbeza-beza mengikut dialek tersendiri. Oleh itu, pengkaji telah memilih untuk mengkaji bentuk kata panggilan kekeluargaan yang digunakan oleh mahasiswa UKM yang berasal dari negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Pemilihan bagi kalangan mahasiswa yang berasal dari negeri berkenaan adalah berdasarkan kepada kedudukan geografi negeri berkenaan yang merupakan negeri di sebelah Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Antara objektif-objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti bentuk kata panggilan kekeluargaan yang digunakan oleh mahasiswa Melayu Pantai Timur.
2. Mengklasifikasikan bentuk kata panggilan kekeluargaan yang digunakan oleh mahasiswa Melayu Pantai Timur.

2. Metodologi

Dalam kajian ini, pengkaji hanya membataskan pengkajian kepada mahasiswa UKM. Pemilihan responden adalah berdasarkan latar belakang pelajar yang tinggal di negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang sahaja. Responden yang dipilih hanya dalam kalangan pelajar tahun akhir. Responden kajian adalah seramai 10 orang setiap negeri dan berjumlah 30 orang kesemuanya. Selain itu, pengkaji mengedarkan borang soal selidik dan mengadakan temu bual secara informal kepada responden untuk memudahkan pengumpulan data kajian.

Data dan maklumat yang diperolehi akan dianalisis dan diolah untuk mendapatkan kesimpulan dan penyelesaian masalah terhadap kajian yang dijalankan. Data dan maklumat ini juga akan dianalisis bagi mendapatkan perkaitan antara objektif kajian pengkaji. Data mentah yang diperolehi melalui soal selidik yang telah diisi oleh responden dikumpul dan dianalisis dapatan tersebut. Hasil daripada data yang telah dianalisis ini seterusnya digambarkan dalam bentuk jadual untuk memudahkan pemahaman pembaca membuat rumusan dan kesimpulan terhadap kajian.

3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Melalui perbincangan dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa responden yang berasal dari negeri di Pantai Timur menggunakan kata panggilan yang hampir sama untuk menyapa seseorang dalam ahli keluarga. Dalam kalangan masyarakat Melayu Pantai Timur, terdapat pelbagai variasi panggilan kepada ibu, bapa, adik-beradik mengikut urutan kelahiran, datuk, nenek serta ibu dan bapa saudara. Selaras dengan objektif kajian pengkaji iaitu mengenal pasti dan mengklasifikasikan bentuk kata panggilan kekeluargaan yang digunakan oleh masyarakat Melayu Pantai Timur, oleh itu pengkaji telah memaparkan hasil kajian berbentuk jadual dan graf bagi memudahkan pembaca untuk memahami.

Bagi panggilan kepada ibu, kata panggilan *Emak/Mok* adalah paling tinggi penggunaannya dan menunjukkan bahawa jenis kata panggilan tradisi Melayu ini masih lagi kekal digunakan dalam masyarakat Melayu Pantai Timur. Penggunaan kata panggilan untuk menyapa bapa pula, panggilan *Ayoh/Ayah* adalah paling tinggi daripada keseluruhan jenis kata panggilan yang digunakan oleh responden. Panggilan *Ayoh/Ayah* dapat dikatakan sebagai satu bentuk panggilan tradisional yang digunakan sejak turun-temurun oleh masyarakat Melayu. Hal ini jelaslah sama seperti perkara yang dijelaskan oleh Nor Hashimah Jalaluddin et al (2005), dalam kajiannya yang bertajuk "*Sistem Panggilan Kekeluargaan dalam Keluarga Melayu: Satu Dokumentasi*" bahawa panggilan *Ayah* dan *Mak* merupakan panggilan yang paling popular dan umum untuk memanggil bapa dan ibu kerana panggilan tersebut merupakan panggilan tradisi Melayu.

Asmah Haji Omar (1993), menyatakan bahawa terdapat bentuk sapaan pertalian terdiri daripada istilah seperti *long*, *ngah*, *busu/usu* dan sebagainya yang menggambarkan urutan seseorang menurut kelahiran dan digunakan dengan nama panggilan asas untuk melambangkan pertalian kekeluargaan antara orang yang menyapa dengan orang yang disapa. Senarai di bawah menunjukkan contoh-contoh kata sapaan pertalian darah serta rujukannya menurut hierarki (kadang-kadang berbeza mengikut negeri).

- i) *Long* : singkatan dari *sulung* (anak yang sulung)
- ii) *Ngah* : singkatan dari *tengah* (anak yang kedua)
- iii) *Lang* : singkatan dari *alang* (anak yang ketiga)
- iv) *Njang/Nyang* : singkatan dari *anjang* (anak yang keempat)
- v) *Cik* : singkatan dari *kecil* (anak sebelum anak yang terakhir)
- vi) *Su/Busu* : singkatan dari *bongsu* (anak yang terakhir)

Pada umumnya, panggilan anak-anak terhadap ibu bapa telah ditentukan dan ditetapkan oleh ibu bapa itu sendiri. Anak-anak diasuh sejak daripada kecil untuk menggelarkan diri mereka dengan panggilan bagi ibu bapa yang sesuai. Dengan erti kata lain, ibu bapa yang mencorakkan kata panggilan yang sesuai bagi anak-anak mereka gunakan untuk menyapa mereka. Setiap jenis kata panggilan yang diinginkan oleh ibu dan bapa untuk memanggil mereka adalah bertujuan untuk menunjukkan tanda hormat anak-anak kepada mereka. Bagi panggilan ibu dan bapa, terdapat pelbagai variasi daripada ketiga-tiga buah negeri Pantai Timur. Jadual dan

raja dibawah menunjukkan jenis panggilan ibu dan bapa yang digunakan dalam masyarakat Melayu Pantai Timur

Jadual 1 Jenis Kata Panggilan anak kepada ibu di Pantai Timur

Jenis Panggilan	Terengganu (%)	Kelantan (%)	Pahang (%)
Mok	40	40	-
Emak	-	-	40
Umi	30	20	30
Ma/Mama	30	30	30
Mek	-	10	-
JUMLAH	100	100	100

Didapati dalam jadual di atas menunjukkan empat jenis panggilan yang merujuk kepada panggilan ibu yang digunakan oleh para responden atau anak-anak pada masa kini. Kepelbagaian jenis panggilan ini jelas memperlihatkan bahawa adanya penanda untuk diguna pakai bagi memanggil ibu. Kebanyakan responden memanggil ibu mereka dengan panggilan *Emak/Mok*. Hal ini dibuktikan pada Jadual 1 iaitu peratusan sebanyak 40% panggilan *Emak/Mok* yang digunakan oleh responden dari ketiga-tiga buah negeri iaitu Terengganu, Kelantan dan Pahang. Panggilan sebegini adalah paling tinggi penggunaannya dan menunjukkan bahawa jenis kata panggilan tradisi Melayu ini masih lagi kekal digunakan dalam masyarakat Melayu Pantai Timur.

Seterusnya bagi panggilan *Umi* juga digunakan oleh responden bagi ketiga-tiga buah negeri iaitu masing-masing 30% bagi responden dari Terengganu dan Pahang serta, 20% bagi responden dari Kelantan dan 30%. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2005), panggilan *Umi* yang digunakan oleh masyarakat Melayu diandaikan bahawa ibu bapa mula terdedah kepada pengaruh bahasa Arab dan mengekalkan panggilan tersebut dalam kekeluargaan. Hal ini jelaslah menunjukkan bahawa panggilan *Umi* semakin bertambah penggunaannya dalam masyarakat Melayu Pantai Timur.

Selain itu, kata panggilan *Ma/Mama* digunakan oleh responden bagi setiap negeri iaitu masing-masing 30% bagi negeri Terengganu dan Pahang serta 20% bagi responden negeri Kelantan. Panggilan sebegini dianggap sebagai pola baru dan asing jika dibandingkan dengan panggilan tradisi Melayu. Jenis panggilan asing bagi ibu ini mungkin dipengaruhi oleh gaya moden mengikut acuan Barat dan ibu bapa yang mendapat pendidikan yang lebih tinggi mula menyukai panggilan keinggerisan seperti panggilan *Ma/Mama* tersebut. Panggilan kedaerahan seperti *Mek* ditemui dalam kalangan responden yang mengisi soal selidik yang diedarkan, namun peratusan penggunaan panggilan ini adalah hanya 10% bagi responden dari negeri Kelantan. Pengkaji merumuskan bahawa kata panggilan *Emak/Mok* adalah peratusan paling tinggi dalam penggunaannya dan dilihat paling popular dan umum untuk memanggil ibu serta jenis panggilan ini masih kekal dan utuh digunakan oleh generasi muda kini.

Jadual 2 Jenis panggilan anak kepada bapa di Pantai Timur

Jenis Panggilan	Terengganu (%)	Kelantan (%)	Pahang (%)
Ayoh/Ayah	50	60	60
Aboh/Abah	10	40	40
Bak	20	-	-
Pok	20	-	-
JUMLAH	100	100	100

Jadual 2 di atas menunjukkan bentuk-bentuk panggilan bagi merujuk kepada bapa dalam masyarakat Melayu Pantai Timur yang diperolehi daripada responden melalui borang selidik. Kata panggilan *Ayoh/Ayah* dan

Aboh/Abah digunakan bagi ketiga-tiga buah negeri. Namun begitu, peratusan penggunaan kata panggilan *Ayoh/Ayah* adalah paling tinggi daripada keseluruhan jenis kata panggilan iaitu sebanyak 50% digunakan oleh responden dari negeri Terengganu dan masing-masing 60% digunakan oleh responden dari Kelantan dan Pahang. Panggilan *Ayoh/Ayah* dapat dikatakan sebagai satu bentuk panggilan tradisional yang digunakan sejak turun-temurun oleh masyarakat Melayu. Penggunaan kata panggilan *Aboh/Abah* menduduki tempat kedua tertinggi dalam kalangan responden bagi negeri Kelantan dan Pahang iaitu masing-masing sebanyak 40% penggunaannya, manakala sebanyak 10% penggunaan kata panggilan *Aboh/Abah* di negeri Terengganu.

Walaupun panggilan ini agak berbeza dengan *Ayoh/Ayah*, namun panggilan ini masih lagi memperlihatkan panggilan tradisional dan masyarakat Melayu Pantai Timur kini masih menerima dan mempertahankan gaya panggilan Melayu. Walaupun ditemui jenis panggilan yang lain untuk bapa seperti *Bak* dan *Pok* yang digunakan oleh responden di negeri Terengganu, namun peratusannya adalah kecil iaitu masing-masing hanya 20% daripada keseluruhan penggunaan. Penggunaan panggilan ini dalam kalangan ibu bapa boleh dianggap sebagai satu pengaruh panggilan kedaerahan. Pengkaji menyimpulkan bahawa kata panggilan *Ayoh/Ayah* dan *Aboh/Abah* amat dominan digunakan dalam masyarakat Melayu Pantai Timur. Hal ini mungkin kerana panggilan sebegini bagi seorang bapa adalah lebih menunjukkan kemelayuan, lebih berkuasa, lebih hormat dan juga lebih erat.

Berdasarkan analisis dapatan yang diperolehi, pengkaji mendapati bahawa masyarakat Melayu Pantai Timur masih juga menggunakan kata panggilan kekeluargaan mengikut urutan kelahiran bagi ketiga-tiga buah negeri tersebut. Pengkaji telah menjadualkan kata panggilan adik beradik mengikut urutan kelahiran yang terdiri daripada anak pertama, kedua, ketiga, dan keempat. Data kata panggilan yang diperolehi adalah *Along/Abang Long/Kak Long* yang digunakan bagi adik-beradik pertama atau sulung, *Angah/Abang Ngah/Kak Ngah* adalah panggilan anak kedua, *Abang De/ Kak De* pula bagi anak ketiga dan keempat ialah panggilan *Acik/AbangCik/ Kak Cik*. Data kata panggilan yang telah dianalisis menunjukkan bahawa sememangnya responden dari Pantai Timur masih lagi mengekalkan kata panggilan tradisi masyarakat Melayu. Asmah (1993), menggelarkan bentuk panggilan tersebut sebagai urutan mengikut kelahiran. Pengkaji menggelarkan bentuk panggilan tersebut sebagai kata panggilan keluarga urutan tradisi kerana bentuk tersebut telah lama digunakan dan masih kekal penggunaannya dalam sesebuah keluarga. Hal ini dapat dijelaskan dengan melihat Jadual 3 di bawah;

Jadual 3 Jenis panggilan bagi adik-beradik sulung di Pantai Timur

Jenis Panggilan	Terengganu (%)	Kelantan (%)	Pahang (%)
Along/Abang Long/Kak Long	60	60	50
Abang	10	20	20
Kakak	10	10	10
Abang + Nama Kak + Nama	20	10	20
JUMLAH	100	100	100

Berdasarkan data yang diperolehi pada Jadual 3, penggunaan kata panggilan bagi adik-beradik sulung dalam masyarakat Melayu Pantai Timur adalah sama bagi ketiga-tiga buah negeri. Namun begitu, penggunaan kata panggilan paling dominan adalah kata panggilan *Along/Abang Long/Kak Long*. Nilai peratusan yang sama bagi kedua-dua buah negeri iaitu sebanyak 60% bagi penggunaan kata panggilan tersebut dari negeri Terengganu dan Pahang, manakala sebanyak 50% adalah penggunaan kata panggilan tersebut bagi responden yang berasal dari Kelantan. Panggilan tersebut sememangnya selari dengan budaya Melayu kerana *Along/Abang Long/Kak Long* merujuk kepada anak sulung dalam keluarga. Penggunaan kata panggilan *Abang* bagi anak pertama lelaki dan panggilan *Kakak/Kak* bagi anak pertama perempuan dalam keluarga juga digunakan. Peratusan bagi penggunaan kata panggilan *Abang* bagi responden dari negeri Terengganu adalah sebanyak 10%. Manakala bagi negeri Kelantan dan Pahang, masing-masing adalah sebanyak 20% penggunaan kata panggilan tersebut. Di Kelantan, kata panggilan *Abang* disebut *Abe* iaitu menggunakan dialek Kelantan.

Peratusan bagi penggunaan kata panggilan *Kakak/Kak* bagi ketiga-tiga buah negeri adalah sama iaitu sebanyak 10%.

Selain itu, *Abang + Nama dan Kakak + Nama* turut digunakan sebagai kata panggilan bagi anak pertama. Sebanyak 20% penggunaan kata panggilan tersebut bagi responden dari negeri Terengganu dan Pahang, dan sebanyak 10% penggunaan kata panggilan tersebut pula bagi negeri Kelantan. Berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi, pengkaji merumuskan bahawa kesemua kata panggilan seperti *Along/Abang Long/Kak Long, Abang, Kakak/Kak* dan *Abang + Nama dan Kakak + Nama* merupakan kata panggilan yang menjadi pilihan untuk menyapa adik-beradik pertama dalam keluarga. Masyarakat Melayu Pantai Timur masih lagi mempraktikkan kata panggilan mengikut urutan tradisi khusus seperti *Along/Abang Long/Kak Long* bagi menggambarkan hubungan adik-beradik atau keluarga.

Jadual 4 Jenis panggilan bagi adik-beradik kedua di Pantai Timur

Jenis Panggilan	Terengganu (%)	Kelantan (%)	Pahang (%)
Angah/Abang Ngah/Kak Ngah	60	80	100
Abang + Nama	40	20	-
JUMLAH	100	100	100

Panggilan *Angoh/Abang Ngoh/Kak Ngoh* adalah paling dominan penggunaannya bagi ketiga-tiga buah negeri di Pantai Timur. Peratusan bagi negeri Terengganu adalah sebanyak 60%, manakala peratusan tertinggi bagi penggunaan kata panggilan tersebut adalah bagi negeri Kelantan iaitu sebanyak 80%. Bagi Pahang pula, penggunaan kata panggilan *Angoh/Abang Ngoh/Kak Ngoh* adalah sebanyak 50%. Pengkaji mendapati bahawa, masyarakat Melayu Pantai Timur masih lagi mengekalkan kata panggilan mengikut tradisi keluarga Melayu bagi anak kedua.

Namun begitu, kata panggilan *Abang + Nama dan Kakak + Nama* turut digunakan sebagai kata panggilan bagi anak kedua bagi negeri Terengganu dan Pahang. Sebanyak 50% penggunaan kata panggilan tersebut bagi responden dari negeri Terengganu dan 20% bagi responden negeri Kelantan. Pengkaji berpendapat bahawa sesetengah keluarga di kedua-dua buah negeri mula menggunakan kata panggilan ini berkemungkinan kerana bilangan adik-beradik dalam keluarga yang sedikit dan kata panggilan bagi urutan giliran diabaikan. Kata panggilan sebegini adalah bersifat umum. Kata panggilan umum tersebut juga mudah dan ringkas.

Jadual 5 Jenis panggilan bagi adik-beradik ketiga di Pantai Timur

Jenis Panggilan	Terengganu (%)	Kelantan (%)	Pahang (%)
Abang De/ Kak De	-	100	100
Kak+ Nama	50	-	-
Abang + Nama	50	-	-
JUMLAH	100	100	100

Berdasarkan Jadual 5, panggilan adik-beradik ketiga di negeri Kelantan dan Pahang menggunakan kata panggilan *Abang De/Kak De*. Hal ini dapat dibuktikan dengan peratusan yang diperolehi melalui responden yang menggunakan kata panggilan sebegini bagi kedua-dua negeri tersebut iaitu masing-masing sebanyak 100%. Mereka sememangnya menggunakan kata panggilan tersebut bagi menyapa adik-beradik yang ketiga dalam keluarga. Namun begitu, berbeza pula dengan negeri Terengganu yang menggunakan *Abang + Nama dan Kakak + Nama* bagi menyapa adik-beradik ketiga dalam keluarga. Bagi seorang adik yang menggunakan panggilan sebegini kepada adik-beradik yang ketiga, masih lagi menunjukkan tanda mesra dan hormat keluarga yang menandakan posisi orang itu lebih tua daripadanya.

Jadual 6 Jenis panggilan bagi adik-beradik keempat di Pantai Timur

Jenis Panggilan	Terengganu (%)	Kelantan (%)	Pahang (%)
Acik/Abang Cik/ Kak Cik	60	70	70
Kak+ Nama	40	-	30
Kak	-	30	-
JUMLAH	100	100	100

Jadual 6 menunjukkan jenis panggilan adik-beradik keempat yang digunakan bagi ketiga-tiga buah negeri di Pantai Timur. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada responden, responden yang berasal dari negeri Terengganu dan Pahang menggunakan kata panggilan *Acik/Abang Cik/Kak Cik* untuk menyapa adik-beradik keempat dalam keluarga. Peratusan bagi kedua-dua buah negeri tersebut adalah masing-masing sebanyak 60% dan 70%. Hal ini menunjukkan bahawa bagi adik-beradik keempat, panggilan tradisi menurut urutan kelahiran digunakan dalam keluarga di negeri terbabit. Seterusnya, bagi panggilan *Kak*, pengkaji mendapati bahawa hanya di negeri Kelantan sahaja yang menggunakan kata panggilan sebegini. *Kak* merupakan singkatan bagi panggilan *Kakak*. Peratusannya adalah sebanyak 30%. Hal ini berkemungkinan bahawa dalam keluarga responden yang berasal dari negeri Kelantan tersebut, mereka mempunyai adik-beradik perempuan yang keempat dalam keluarga dan panggilan *Kak* adalah menunjukkan panggilan mesra bagi adik-beradik.

Selain itu, penggunaan kata panggilan *Abang + Nama* dan *Kakak + Nama* turut digunakan dalam sesebuah keluarga bagi menyapa adik-beradik keempat bagi ketiga-tiga buah negeri di Pantai Timur. Peratusan penggunaan kata panggilan tersebut di Terengganu adalah sebanyak 40%, Kelantan sebanyak 70% dan Pahang sebanyak 30%. Didapati bahawa dalam kekeluargaan masyarakat Melayu Pantai Timur, panggilan sebegini telah menjadi kebiasaan untuk menyapa walaupun panggilan tersebut merupakan panggilan umum. Namun begitu, kata panggilan sebegini masih lagi menunjukkan rasa hormat dan mesra dalam kekeluargaan.

Seterusnya, bagi jenis kata panggilan anak saudara kepada bapa dan ibu saudara pula adalah sama bagi ketiga-tiga buah negeri. Pengkaji mendapati bahawa kesemua responden dari ketiga-tiga buah negeri di Pantai Timur menggunakan kata panggilan *Mak/Mok Long* untuk menyapa ibu saudara pertama dalam keluarga. Sejalan dengan panggilan *Ayah/Ayoh Long* dan *Pak Long* yang digunakan untuk menyapa bapa saudara pertama atau sulung, panggilan *Mak/Mok Long* adalah panggilan yang paling sesuai dan serasi untuk menyapa ibu saudara pertama atau sulung. Kesejajaran kata panggilan bagi bapa saudara dan ibu saudara pertama menunjukkan bahawa kata panggilan mengikut warisan Melayu masih digunakan pada masa kini. Kata panggilan *Mak Ngah* atau *Mok Ngoh* telah digunakan untuk menyapa ibu saudara kedua dalam keluarga. Berikutan daripada *Mak Ngah* atau *Mok Ngoh* merupakan pasangan kepada *Ayah/Ayoh Ngoh*, panggilan *Mak Ngah* atau *Mok Ngoh* adalah sesuai untuk menyapa mereka. Melalui data yang diperolehi, peratusan sebanyak 100% menunjukkan bahawa kesemua responden yang terlibat menggunakan kata panggilan tersebut dalam kekeluargaan.

Bagi jenis kata panggilan anak saudara kepada ibu saudara ketiga pula, pengkaji mendapati bahawa kata panggilan *Mak/Mok De* dan *Mok + Nama* digunakan dalam masyarakat Melayu Pantai Timur. Seperti pada rajah di atas, sebanyak 60% penggunaan kata panggilan *Mak/Mok De* digunakan oleh responden yang berasal dari Terengganu dan Kelantan, serta 100% adalah penggunaan kata panggilan tersebut daripada negeri Pahang. Panggilan sebegini masih lagi dianggap sebagai kata panggilan mengikut urutan kelahiran dalam keluarga.

Namun begitu, pengkaji memperolehi data yang menggunakan kata panggilan *Mok + Nama* untuk menyapa ibu saudara ketiga. Berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui soal selidik, contoh panggilan terhadap bapa saudara ketiga adalah seperti *Mok Ti*, *Mok Mas* dan *Mok Na*. Kesemua contoh yang ditunjukkan

adalah nama singkatan daripada nama sebenar ibu saudara tersebut. Peratusan penggunaan kata panggilan tersebut bagi responden dari negeri Terengganu dan Kelantan adalah masing-masing sebanyak 40%. Melalui temu bual secara informal yang telah pengkaji jalankan, pengkaji mendapati bahawa penggunaan kata panggilan *Mok + Nama* dalam kalangan masyarakat Melayu di Terengganu dan Kelantan disebabkan oleh mereka tidak menekankan tentang kata panggilan mengikut urutan kelahiran dan mereka hanya menggunakan panggilan yang berserta nama bagi memudahkan mereka untuk menyapa.

Bagi emak atau bapa saudara yang bongsu pula menunjukkan bahawa kata panggilan *Mak/Mok Su* digunakan oleh responden dari ketiga-tiga buah di Pantai Timur. Peratusan tertinggi adalah sebanyak 100% bagi responden yang berasal dari negeri Pahang dan diikuti dengan peratusan 60% bagi responden dari negeri Terengganu dan Kelantan. Panggilan *Mak/Mok Su* adalah sesuai digunakan kerana kata panggilan bagi ibu saudara terakhir atau bongsu tersebut merupakan gandingan bagi kata panggilan bapa saudara *Ayoh Su/ Pak Su*. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu Pantai Timur menggunakan kata panggilan warisan kekeluargaan untuk menyapa mereka yang merupakan kedudukan terakhir dalam keluarga ataupun bongsu. Panggilan tradisi ini didapati masih mendapat tempat dan masih bertahan digunakan dalam kalangan masyarakat Melayu Pantai Timur. Amalan panggilan tradisi sebegini pada mulanya digunakan dalam keluarga asas akhirnya diteruskan penggunaannya dalam keluarga lebih luas.

4. Kesimpulan

Kajian kata panggilan kekeluargaan masyarakat Melayu Pantai Timur mempunyai variasi panggilan yang hampir sama bagi ketiga-tiga buah negeri iaitu Terengganu, Kelantan dan juga Pahang. Namun begitu, peratusan bagi panggilan kekeluargaan yang paling dominan mengikut negeri dapat dilihat pada bahagian sebelumnya yang memaparkan hasil dapatan kajian pengkaji. Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa masyarakat Melayu Pantai Timur secara umumnya masih mempraktikkan kata panggilan mengikut urutan tradisi khususnya *Along, Angah* dan sebagainya bagi menggambarkan hubungan adik-beradik. Asmah (1993) menggelarkan bentuk panggilan ini sebagai urutan mengikut kelahiran. Walaupun penggunaan bentuk panggilan ini tidak begitu ketara penggunaannya, namun bentuk panggilan sebegini telah lama digunakan dan masih kekal penggunaannya dalam sesebuah keluarga. Penggunaan kata panggilan kekeluargaan yang paling dominan dan kelihatan kekal pada kebanyakan negeri yang dikaji ialah panggilan kepada bapa saudara seperti *Ayah Long* atau *Pak Long*, *Ayah Ngah* atau *Pak Ngah* dan juga *Ayah Su* atau *Pak Su*. Hal ini sama juga dengan panggilan kepada ibu saudara seperti *Mak Long*, *Mak Ngah* dan juga *Mak Su*. Walaupun panggilan tersebut telah lama wujud, namun penggunaannya masih kekal sehingga sekarang.

Selain itu, pengkaji mendapati bahawa panggilan *Ayah + Nama*, *Mak + Nama*, *Abang + Nama* dan *Kak + Nama* turut digunakan untuk memanggil atau merujuk kepada panggilan dalam ahli keluarga. Kepelbagaian bentuk kata panggilan ini mencerminkan bahawa masyarakat Melayu Pantai Timur kaya dengan pelbagai bentuk panggilan untuk menyapa seseorang. Berdasarkan temu bual yang dijalankan secara informal kepada responden, pengkaji mendapati bahawa penggunaan kata panggilan yang dinyatakan di atas adalah lebih mudah dan ringkas apabila menggunakan nama terakhir di belakangnya seperti *Ayah Mi*, *Ayah Ta* dan *Ayah Nan*. Hal ini adalah selaras dengan perkara yang telah dibincangkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2005) dalam kajian beliau iaitu pengaruh pemodenan telah menukarkan panggilan tersebut kepada panggilan yang lebih ringkas yang sesuai dengan kehidupan terkini yang ringkas dan pantas.

Rujukan

- Asmah Haji Omar. 1993. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norliza Jamaluddin. 2003. *Sistem Panggilan Masyarakat Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, Maslida Yusof & Saadiah Mat Alip. 2005. *Sistem Panggilan dalam Keluarga: Satu Dokumentasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Marlyna Maros, Aslinda John, & Mohd Baharim Mydin. 2010. *Pola Sapaan Pelajar Lelaki dan Perempuan di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi: Satu Kajian Sosiopragmatik* dlm. GEMA Online Journal of Language Studies. Jil. 10:2, 2010.
- Maya Khemlani dan Rohani Mohd Yusof. 2000. *Sistem Panggilan dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Media Sandra Kasih. 2002. *Sistem Sapaan Kekeluargaan Bahasa Minangkabau dan Bahasa Melayu Malaysia: Suatu Perbandingan dlm. Menelusuri Jejak Melayu Minangkabau*, 123-130. Padang: Yayasan Citra Budaya Indonesia.
- Media Sandra Kasih. 2004. *Sistem Kata Sapaan Anak-anak dan Remaja dalam Bahasa Minangkabau: Suatu Analisis Sociolinguistik*. Linguistik Indonesia: Jurnal Ilmiah Masyarakat Linguistik Indonesia.
- Sa'adiah Ma'lip. 2000. *Kata Panggilan Kekeluargaan Masyarakat Portugis: Tinjauan di Perkampungan Portugis, Melaka*. Jurnal Dewan Bahasa 44 (10): 1077-1086.